NO. SOALAN : 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**
TARIKH	:	**23 MAC 2015**
SOALAN	:	

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan bagi tujuan siasatan, pendakwaan dan kos Mahkamah di dalam kes PP vs Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tempoh hampir tujuh tahun sejak 28 Jun 2008.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan yang di-Pertua,

1. Bagi pendakwaan kedua-dua kes liwat terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim, tiada pengiraan dibuat bagi meneliti perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan.

2. Selain daripada jumlah yuran guaman yang dipersetujui antara Jabatan Peguam Negara dan Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah bagi kes yang didengarkan di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, tiada bayaran tambahan lain selain daripada gaji, elaun dan tuntutan-tuntutan biasa seperti tuntutan perjalanan dan sebagainya oleh kakitangan Jabatan Peguam Negara yang terlibat secara langsung dalam kes terbabit.

3. Ingin dimaklumkan bahawa pendedahan jumlah bayaran atas perkhidmatan Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah hanya boleh dibuat atas persetujuan kedua-dua pihak yang terlibat iaitu Jabatan Peguam Negara dan Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah sendiri.

4. Sehubungan dengan itu, berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak terbabit, adalah dimaklumkan bahawa jumlah bayaran atas perkhidmatan yang diberikan oleh Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah adalah sebanyak RM1,000.

Sekian, terima kasih.